

Jangan ambil mudah orang Melayu — Dr. M

09. 1. 1986

KUALA LUMPUR 18 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu ucapan yang lantang dan terus - terang hari ini meminta bukan Melayu supaya jangan menganggap orang Melayu boleh diambil mudah dan akan tunduk kepada segala cabaran mereka.

Sambil mengingatkan bahawa kesabaran orang Melayu ada hadnya, Presiden UMNO itu berkata: "Kita tidak berniat untuk merampas hak sesiapa. Tetapi jangan sesiapa cuba merampas hak kita."

Serentak dengan ingatan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang akan diteruskan sehingga matlamatnya tercapai.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung UMNO yang Ke-37 di sini hari ini, beliau menambah: "Orang - orang Melayu tidak berjuang untuk mencapai kemerdekaan bersama supaya orang - orang Melayu menjadi golongan yang miskin dalam negara sendiri."

Beliau menegaskan selama ini UMNO dan orang - orang Melayu berdiam apabila kata-kata kesat digunakan dalam akhbar, apabila beberapa chauvinis bercakap seolah-olah orang Melayu tidak berhak di negara sendiri, seolah-olah Malaysia bukan asalnya negeri Melayu sebaliknya merupakan sebahagian daripada negara asing.

Begitu juga orang Melayu berdiam apabila bukan Melayu berkata mereka tidak suka kepada perkataan bumiputera, tidak mahu mendengar DEB disebut, tidak mahu apa-apa rancangan bagi menentukan nasib bumiputera dan Melayu selepas DEB.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, bukan Melayu khususnya DAP sentiasa mencari peluang untuk mengancam apa juga yang mempunyai kaitan dengan bumiputera. Satu contoh jelas ialah skandal Bumiputera Malaysia Finance (BMF).

Menurutnya, skandal BMF yang mengakibatkan kerugian \$2 ribu juta digembar-gemburkan tetapi krisis Pan-El yang melibatkan kerugian \$16 ribu juta dan menjejaskan ekonomi negara tidak begitu menarik perhatian mereka kerana ia bukan bumiputera.

Beliau menambah meskipun kes Pan-El mengakibatkan pasaran saham negara ditutup buat pertama kali dalam sejarah, namun reaksi terhadapnya tidak seperti kes BMF.

Datuk Sri Dr. Mahathir bertanya: "Mengapa tidak begitu dihebohkan oleh pencipta skandal daripada parti-parti lawan? Mungkinkah kerana tidak dilakukan oleh bumiputera?"

Beliau berpendapat kehilangan duit tidak penting bagi golongan tersebut ke-

Jangan ambil mudah orang Melayu — Dr. M

OM 19 SEP 1986

rana yang menggerak mereka membuat kecaman ialah perasaan perkauman yang tebal.

Begitu juga katanya, DAP ingin menjadikan pembentukan syarikat Makuwasa yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan untuk menyelamatkan perniagaan timah sebagai satu skandal.

"Jika DAP mempunyai bukti bahawa terdapat pemimpin atau pegawai kerajaan terlibat dengan rasuah, silalah buat aduan. Jika tuduhan tidak berasas, sila sanggup pula menerima tindak balas," ujarnya.

Sementara BMF dan Makuwasa dijadikan isu dan skandal, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, perbuatan beberapa orang banker dari Malaysia, yang bukan dari Bank Bumiputra, yang menyalahgunakan wang dua

buah bank di Hong Kong tidak pula diberi perhatian.

Kerana mereka ini, tambah beliau, nama orang Malaysia menjadi busuk di kalangan masyarakat banker dan financier di luar negeri. Bagaimanapun semua pihak membisu seribu bahasa, berkenaan bank-bank di Hong Kong ataupun di Malaysia.

"Mengapakah Bank Bumiputra diheboh-hebohkan? Kerana skandal atau kerana bumiputera? Kerana tidak suka melihat bumiputera berjaya? Kerana seronok melihat kegagalan bumiputera?" Tanya Datuk Sri Dr. Mahathir.

Presiden UMNO itu juga membidas DAP kerana menggunakan sentimen anti Melayu di kalangan masyarakat Cina bagi mendapatkan populariti.

Katanya, DAP adalah parti anti Melayu yang te-

bal yang menggunakan isu-isu yang boleh membangkitkan kebencian orang Cina terhadap orang Melayu.

"Selepas membakar hati orang Cina terhadap orang Melayu dan menolak konsep kerjasama antara kaum anjuran Burisan Nasional, Lim Kit Siang (Setiausaha Agung DAP) kononnya mahu polarisasi kaum dikurangkan," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi bahawa orang Melayu inginkan harmoni, kestabilan dan pertumbuhan ekonomi tetapi bukan sehingga maruahnyanya terganggu.

Katanya: "Kita tidak akan memperdagangkan kehormatan kita sehingga anak cucu kita tidak dapat memanggung kepala."

"Kita tidak akan menyondol - nyondol hanya kerana terpicat dengan kekayaan kebendaan."